



PRESS RELEASE

BILATERAL MEETING BETWEEN BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK AND OTORITAS JASA KEUANGAN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) recently hosted a bilateral meeting with Otoritas Jasa Keuangan (OJK) in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
2. The meeting was jointly led by Puan Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Deputy Managing Director, Regulatory and Supervision, BDCB and Bapak Inarno Djajadi, Chief Executive of Capital Markets, Financial Derivatives and Carbon Exchange, and member of the Board of Commissioners, OJK.
3. The meeting provided an opportunity for BDCB and OJK to exchange views and share experiences on the supervision of capital markets, the development of bond and sukuk markets, and other recent financial development agendas such as Islamic finance and sustainable finance in Brunei Darussalam and Indonesia.
4. Bilateral discussions were also held with Brunei Climate Change Secretariat, Ministry of Development headed by Tuan Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Major General (Retired) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Head of Secretariat, and the Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism (MPRT) headed by Puan Noralinda binti Haji Ibrahim, Director, Forestry Department to discuss developments and opportunities related to the carbon market framework.
5. This inaugural bilateral meeting signifies the close ties and cooperation between both regulatory authorities, particularly in the area of securities regulation, and as members of the ASEAN Capital Markets Forum. Furthermore, it represents a positive step towards fostering more impactful engagements, building upon the signing of the Memorandum of Understanding Concerning Consultation, Cooperation, and the Exchange of Information in 2021.

About Brunei Darussalam Central Bank

Brunei Darussalam Central Bank is committed to achieving and maintaining a sound and dynamic financial system through the implementation of measures and execution of financial sector reforms, in line with the national economic development objectives. These include ensuring the stability of domestic prices; maintaining the stability of the financial system by formulating financial regulations and prudential standards; assisting in the establishment and functioning of efficient payment systems and, subsequently, to oversee them; and to foster and develop a sound and progressive financial services sector.

About Otoritas Jasa Keuangan

Otoritas Jasa Keuangan is an autonomous entity which is tasked with organising an integrated regulatory and supervisory system for all financial services activities in Indonesia. OJK is in charge of enforcing and supervising financial service operations in the banking, capital market, and insurance sectors, as well as pension funds, financing institutions, and other financial services institutions. OJK has an indispensable role in assisting all Financial Services Sector (FSS) activities and ensuring that they are conducted in a way that is fair, transparent, and accountable. OJK is also expected to carry out the functions of education and consumer protection in the financial services sector; thus, the presence of FSS protects the interests of the community and provides benefits and welfare.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 12 Sya'ban 1445H / 22 February 2024M

Reference: BDCB/COMMS/3



SIARAN AKHBAR

MESYUARAT DUA HALA ANTARA BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK DAN OTORITAS JASA KEUANGAN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat dua hala bersama Otoritas Jasa Keuangan (OJK) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Mesyuarat telah diketuai bersama oleh Puan Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Timbalan Pengarah Urusan, Pengawalseliaan dan Penyeliaan, BDCB dan Bapak Inarno Djajadi, Ketua Eksekutif Pasaran Modal, Derivatif Kewangan dan Bursa Karbon, dan ahli Lembaga Pesuruhjaya, OJK.
3. Mesyuarat tersebut memberi peluang kepada BDCB dan OJK untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman mengenai penyeliaan pasaran modal, pembangunan pasaran bon dan sukuk, serta agenda-agenda berkaitan perkembangan kewangan terkini seperti kewangan Islam dan kewangan lestari di Negara Brunei Darussalam dan Indonesia.
4. Perbincangan dua hala juga diadakan bersama Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pembangunan yang diketuai oleh Tuan Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Major General (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Ketua Sekretariat; dan Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) yang diketuai oleh Puan Noralinda binti Haji Ibrahim, Pengarah, Jabatan Perhutanan untuk menerokai perkembangan dan peluang berkaitan rangka kerja pasaran karbon.
5. Mesyuarat dua hala yang diadakan bagi julung kalinya ini menandakan hubungan erat dan kerjasama antara kedua-dua pihak, terutamanya dalam bidang pengawalseliaan sekuriti dan sebagai ahli kepada ASEAN Capital Markets Forum. Ia juga menandakan langkah positif ke arah penglibatan yang lebih produktif berikutan pemeteraian Memorandum Persefahaman bagi perundingan, kerjasama, dan pertukaran maklumat (*Memorandum of Understanding Concerning Consultation, Cooperation, and the Exchange of Information*) pada tahun 2021.

Mengenai Brunei Darussalam Central Bank

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.

Mengenai Otoritas Jasa Keuangan

Otoritas Jasa Keuangan ialah sebuah entiti autonomi yang ditugaskan untuk mengatur sistem pengawalseliaan dan penyeliaan secara bersepadu bagi semua aktiviti perkhidmatan kewangan Indonesia. OJK bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelia operasi perkhidmatan kewangan di sektor perbankan, pasaran modal dan insurans serta dana pencen, institusi pembiayaan dan institusi perkhidmatan kewangan yang lain. OJK mempunyai peranan yang amat penting dalam membantu semua aktiviti-aktiviti sektor perkhidmatan kewangan (SPK) dan memastikan ianya dijalankan dengan cara yang adil, telus dan bertanggungjawab. OJK juga diharapkan untuk menjalankan fungsi-fungsi pendidikan dan perlindungan pengguna dalam sektor perkhidmatan kewangan justeru kewujudan SPK melindungi kepentingan masyarakat serta memberi manfaat dan kebajikan.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 12 Sya'ban 1445H / 22 February 2024M

Reference: BDCB/COMMS/3